

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU

DALAM PERKARA PERMOHONAN KEBENARAN POLIGAMI

SAMAN NO : 11100-011-XXXX-2018

ANTARA

XYXY

KP : 760801-11-XXXX

PEMOHON

DENGAN

XXXX

KP : 780601-11-XXXX

DEFENDAN

DI HADAPAN YANG ARIEF,
TUAN HAJI MOHD NAZRI BIN YUSOF P.J.K.,
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU,
DI KUALA TERENGGANU

PADA HARI ISNIN, 08 RAMADHAN 1440H,
BERSAMAAN 13 MEI 2019.

[1] ATAS PERMOHONAN Pemohon XYXY No. KP: 760801-11-XXXX, permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Kamar Bicara, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dengan kehadiran Pemohon dan Responden pada tarikh 03 April 2019 beserta wali dan tanpa kehadiran saksi dan kedua-dua pihak tidak diwakili mana-mana Peguam Syarie. Setelah mendengar keterangan yang diberikan oleh Pemohon dan Responden dan wali pada tarikh 03 April 2019 beserta afidavit Pemohon yang diikrarkan pada tarikh 12 Disember 2018. MAKA PADA HARI INI YANG ARIEF HAKIM MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT;

Permohonan yang didengar ini adalah permohonan untuk berpoligami iaitu untuk mendapatkan kebenaran berkahwin dengan seorang perempuan sebagai isteri kedua, yang mana Pemohon pada masa permohonan ini dibuat telah dan masih mempunyai seorang isteri. Pemohon, XYXY No. KP: 760801-11-XXXX untuk mendapatkan kelulusan berpoligami menurut **Sekyen 22 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017**.

[FAKTA DAN LATAR BELAKANG KES]

- [2] Pemohon, XYXY No KP: 760801-11-XXXX telah mengemukakan permohonan untuk berpoligami dengan seorang perempuan bernama XYZ No. KP: 720407-11-XXXX melalui afidavit yang telah diikrarkan oleh Pemohon pada tarikh 12 Disember 2018. Pemohon memohon kebenaran berpoligami kerana:-
- i. Pemohon hendak menjaga bakal isteri dan anak-anak dengan baik dan mengelakkan dari berlaku perbuatan yang tidak diingini.
 - ii. Pemohon terpicat dengan sikap dan tanggungjawab bakal isteri terhadap keluarga.
 - iii. Pemohon amat senang dan gembira bila berhubung dengan bakal isteri.
 - iv. Pemohon amat terhutang budi dengan bakal isteri dalam membantu Pemohon di dalam bisnes.
 - v. Pemohon amat gembira dengan layanan bakal isteri terhadap emak Pemohon dan emak Pemohon sangat gembira dengan kehadiran bakal isteri.
 - vi. Pemohon membuat permohonan kerana hendak menjaga nama baik bakal isteri dan diri Pemohon memandangkan kedua-dua adalah penjawat awam.

[BIDANGKUASA MAHKAMAH]

[3] Setelah mendengar Mahkamah memutuskan bahawa permohonan poligami ini adalah mengikut peruntukan subseksyen 11 (3) (b) (i) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu:-

Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah

11. (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

(a)

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –

(i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri;

[4] Subseksyen di atas adalah dibaca bersama seksyen 22 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 iaitu:-

Poligami

22. Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seseorang perempuan lain di mana-mana tempat dalam masa dia masih beristerikan isterinya yang sedia ada kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis dan Hakim *Syarie*.

[5] Berdasarkan peruntukan di atas, kelulusan poligami boleh diberi oleh mana-mana Hakim Syarie sama ada Hakim Mahkamah Rendah, Hakim Mahkamah Tinggi atau pun Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada Arahan Amalan No.14 Tahun 2006 menjelaskan bahawa:

“Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2006 pada 12 hingga 14 April, 2006 bersamaan 13 hingga 15 Rabiulawwal 1427H di Shah Alam, Selangor yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan bahawa bidangkuasa membicarakan kes poligami dan pengisytiharan peruntukan dan pembahagian harta sepencarian dan perkara-perkara lain yang berkaitan di bawah Seksyen 23 Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri hendaklah dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah”.

[6] Sebelum Mahkamah memutuskan kes ini Mahkamah telah meneliti isu-isu berkaitan yang boleh memberi sandaran ke atas penghakiman ini. Mahkamah berpendapat dua (2) isu yang perlu diputuskan adalah:-

- i) Samada Pemohon memenuhi syarat-syarat poligami menurut Hukum Syarak?
- ii) Samada Mahkamah perlu memberi kebenaran berpoligami atau tidak?

ISU PERTAMA: SAMADA PEMOHON MEMENUHI SYARAT-SYARAT POLIGAMI MENURUT HUKUM SYARAK.

- [7] Sebelum Mahkamah mengulas dengan lebih lanjut lagi, Mahkamah berhasrat untuk mengulas tentang maksud poligami. Poligami dari sudut bahasa ialah memiliki ramai isteri dan dari segi istilah syarak bermaksud lelaki yang beristeri lebih daripada seorang sehingga empat dalam satu masa. Manakala merujuk kepada Kamus Dewan, edisi keempat, cetakan ketiga poligami bermaksud amalan atau perbuatan lelaki beristeri lebih daripada satu orang. Berpoligami pula membawa erti mengamalkan (melakukan poligami) mempunyai lebih dari seorang isteri pada masa yang sama. Perkataan poligami berasal dari bahasa Yunani iaitu dari perkataann "*poli*" atau "*polus*" yang bererti banyak dan "*Gamien*" atau "*Gamos*" yang bermaksud kahwin atau perkahwinan. Bila pengertian digabungkan maka poligami bererti perkahwinan yang lebih daripada seorang. Manakala dalam bahasa Arab disebut "*Ta'adadu al-zaujat*".
- [8] Dalam perkahwinan secara poligami syariat telah mensyaratkan dua syarat bagi keharusan dalam berpoligami iaitu **pertama** melakukan keadilan di kalangan isteri-isteri dan **kedua** berkemampuan. Mahkamah dalam perkara ini telah merujuk kepada kitab *Fiqh Dan Perundangan Islam*, karangan Wahbah al-Zuhaili, terjemahan Syed Ahmad Syed Hussain et al, Jilid VII cetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka, halaman 231 dan 232.
- [9] **Syarat pertama** adalah berlaku adil di kalangan isteri-isteri adalah membawa maksud menyamaratakan di antara para isteri dalam aspek material iaitu nafkah zahir merangkumi tempat tinggal, makan minum, pakaian dan sebagainya. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisa' ayat 3 iaitu:-

فَأَنْكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مِثِّي وَثُلُثِ وَرُبُعِ ۖ فَإِنِ ۖ خِفْتُمْ ۖ أَلَّا
تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً....

Bermaksud:-

“Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dripada perempuan-perempuan (lain), dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu itu, maka berkahwinlah dengan seorang sahaja”.

- [10] Berdasarkan ayat di atas bahawa Allah S.W.T telah menjelaskan bahawa Allah S.W.T mengharuskan seseorang lelaki itu berkahwin dengan seseorang perempuan sehingga empat (4) orang dengan mensyaratkan bahawa lelaki tersebut berkeyakinan untuk berlaku adil kepada kesemua isteri-isterinya. Malah di dalam ayat tersebut juga Allah S.W.T membataskan hanyalah seorang isteri sahaja apabila seseorang itu bimbang akan melakukan kezaliman dan tidak dapat berlaku adil di antara isteri-isterinya. Kewajipan berlaku adil ini telah dijelaskan di dalam hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

أن ابي هريرة أن النبي صلى الله عليه وسلم قال : من كانت له امرأتان فمال إلى احدهما جاء يوم القيامة وشقه

مائل

Terjemahan

Barang siapa yang mempunyai dua orang isteri, sedang ia melebihkan salah satu di antara mereka. Maka ia akan datang pada hari kiamat nanti dengan keadaan bahunya yang senget sebelah.

[11] Juga perlu difahami bahawa keadilan tersebut bukanlah bermaksud menyamakan dari segi perasaan dan kasih sayang dan tidaklah termampu oleh seseorang dengan syarat hanyalah mentaklifkan apa yang termampu oleh seseorang. Keadilan di dalam poligami adalah melibatkan perkara wajib seperti memberi nafkah zahir dan batin, mengatur giliran bermalam, diundi untuk dibawa bermusafir dan sebagainya. Keadilan ini juga bukan sahaja wajib bagi suami terhadap isteri-isterinya malah keadilan terhadap anak-anaknya yang berlainan ibu. Malah juga perlu dititikberatkan bahawa keadilan yang dituntut itu tidaklah semata-mata dalam hal kemampuan suami dari segi kewangan untuk menyara hidup lebih daripada seorang isteri. Malahan dia mestilah berlaku adil dalam pelbagai hal, termasuklah dari segi meluangkan waktu, memberikan sokongan dan memainkan peranan sebagai seorang pembimbing iaitu bapa kepada anak-anaknya. Walaubagaimana pun, untuk berlaku adil dalam soal cinta dan kasih sayang adalah sukar kerana ia di luar kemampuan manusia sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 129, Allah S.W.T berfirman:-

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ ۚ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ آلٍ مِمِّي ۚ
فَتَذَرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ ۚ وَإِنْ تُصِحِّبُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَحِيمًا ۙ

Bermaksud:

Dan kamu tidak dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun bersungguh-sungguh (hendak melakukannya) oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awang-awangan) dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada

perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

- [12] Daripada ayat ini sekali lagi Allah S.W.T menegaskan tentang syarat adil dalam berpoligami supaya suami tidak terjerumus dalam melakukan kezaliman terhadap isteri-isteri dengan meninggalkan salah seorang daripadanya seperti sesuatu yang tergantung, iaitu menyebabkan isteri tersebut tidak dapat mengecapi hak-hak suami isteri dan tidak pula diceraikan.
- [13] Merujuk kepada kes dihadapan Mahkamah pada hari ini, sebelum Mahkamah Yang Mulia ini meluluskan permohonan Pemohon untuk berpoligami Mahkamah perlu melihat kepada kemampuan Pemohon dari segi kebolehan Pemohon untuk berlaku adil terhadap isteri-isteri. Oleh yang demikian, Mahkamah juga perlu mengambil kira persetujuan isteri terhadap permohonan berpoligami yang telah difailkan oleh pihak suami. Responden di dalam kes ini tidak bersetuju terhadap permohonan Pemohon untuk berpoligami.
- [14] Responden di dalam Afidavit Jawapannya bertarikh 07 Januari 2019 di para 5 menyatakan bahawa *“anak-anak yang masih kecil dan seramai 6 orang memerlukan perhatian, jagaan dan bimbingan daripada menjaga anak orang lain yang sudah besar”*. Dapatlah difahami bahawa Pemohon dan Responden mempunyai enam (6) orang anak iaitu XXY1 (11 Tahun), XXY2 (9 Tahun), XXY3 (7 Tahun), XXY4 (6 Tahun), XXY5 (4 Tahun) dan XXY6 (6 bulan) yang mana anak-anak tersebut masih lagi kecil dan memerlukan perhatian dan bimbingan daripada Pemohon dan Responden sebagai ibu bapa kepada anak-anak tersebut daripada Pemohon menjaga anak-anak daripada bakal isteri

sekiranya Pemohon berpoligami memandangkan anak-anak tersebut telah besar.

- [15] Malah Responden ketika memberi keterangan bertarikh 3 April 2019 menyatakan sekali lagi menyatakan bahawa Responden tidak bersetuju terhadap permohonan berpoligami yang telah dipohon oleh Pemohon. Selain itu dalam keterangan juga Responden menyatakan bahawa anak-anak masih lagi kecil malah anak-anak tersebut juga tidak mengetahui tentang hasrat Pemohon untuk berpoligami. Responden juga dalam keterangannya menyatakan bahawa *“suami saya seorang yang baik tetapi banyak tipu, poligami dok tahu, pastu kewangan saya dok pasti keadaan, dulu di Labuan, dari segi sembahyang tunggang langgang juga”*.
- [16] Berdasarkan keterangan Responden tersebut dapatlah Mahkamah simpulkan bahawa Pemohon bukanlah seorang yang adil untuk berpoligami walaupun Pemohon di dalam keterangannya bertarikh 03 April 2019 menyatakan bahawa sebab untuk Pemohon berpoligami adalah untuk menjaga bakal isteri dan anak-anak dan sekiranya tiada hubungan/ ikatan sukar untuk Pemohon menjaga mereka. Malah Pemohon menyatakan bahawa beliau berasa tanggungjawab terhadap anak-anak dan bakal isteri tersebut. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat bahawa tanggungjawab Pemohon terhadap Responden dan anak-anak tersebut adalah lebih utama berbanding tanggungjawab Pemohon terhadap bakal isteri serta anak-anak beliau. Dari segi keadilan setelah Mahkamah membuat pertimbangan dan mendengar keterangan Responden Mahkamah bimbang sekiranya berlaku ketidakadilan serta pengabaian terhadap isteri-isteri sekiranya permohonan berpoligami ini dibenarkan oleh Mahkamah.

- [17] Manakala **syarat kedua** yang disyariatkan dalam poligami ialah berkemampuan. Syarat yang kedua ini merujuk kepada kemampuan suami dari segi fizikal dan material. Dari segi fizikal bermaksud suami tersebut hendaklah sihat tubuh badan dan tidak menghidapi sebarang penyakit yang kronik. Manakala dari segi material pula membawa maksud seorang suami itu hendaklah mempunyai kemampuan dari segi kewangan iaitu mampu memberi nafkah kepada isteri-isterinya.
- [18] Dari segi fizikal, Pemohon berumur 42 tahun dan tidak menghidap sebarang penyakit kronik. Maka, Saya berpuas hati bahawa pemohon seorang yang sihat tubuh badan dan tiada perkara yang menghalang pemohon daripada bekerja.
- [19] Melihat kepada kemampuan Pemohon dari segi material, ia merujuk kepada perihal kewangan Pemohon. Berdasarkan kepada keterangan Pemohon dan affidavit yang diikrarkan bertarikh 12 Disember 2018, Pemohon bekerja sebagai seorang guru di SMK XXX dan Shareholder Big Data International Groups dan Pemohon mendakwa hasil dua (2) perkerjaan tersebut Pemohon mempunyai pendapatan bulanan sekitar RM6,000-00 yang mana telah ditandakan sebagai ekshibit RK-2 berkaitan penyata gaji Pemohon.
- [20] Selain itu, Responden di dalam affidavit jawapan di para 3 menyatakan bahawa Responden tidak bersetuju terhadap hasil pendapatan bulanan seperti yang didakwa oleh Pemohon. Responden menyatakan bahawa "*gaji kasar plaintif memang RM6000 sebulan, tetapi pendapatan bersih hanya beberapa ratus sahaja, menjadi shareholder Bitdata International Groups (BDIG) bukanlah satu pendapatan tetap kerana ia hanya merupakan satu pelaburan internet yang tidak*

sah". Kenyataan Responden tersebut adalah selari dengan penyata gaji yang telah dilampirkan oleh Pemohon di ekshibit RK-2 tersebut.

- [21] Responden juga di dalam affidavit jawapan di para 6 menyatakan "*plaintif berjanji untuk memberi kepada Defendan dan anak-anak sebanyak RM2000 sebulan, sedangkan kos sebenar perbelanjaan melebihi dari itu dan Plaintiff juga tidak layak kerana gaji bersih plaintiff hanya beberapa ratus sebulan*".
- [22] Selain itu Responden juga menyatakan di para 7 affidavit jawapan tersebut, bahawa "*plaintif mempunyai banyak hutang, sama ada hutang secara personal, institusi dan juga bank termasuk kad kredit. Plaintiff juga tersenarai dalam CCRIS dan CTOS. Plaintiff juga gagal menyediakan rumah sebagai nafkah untuk Defendan dan anak-anak. Kenderaan sendiri juga masih belum ada dan Plaintiff masih meminjam sebuah kereta dari seorang kawan. Plaintiff juga menggadai barang kemas milik Defendan sendiri dan juga milik arwah ibu Defendan*".
- [23] Manakala Pemohon di para 6 affidavit jawapan balas bersetuju terhadap kenyataan Responden dengan menyatakan bahawa "*berkenaan hutang, semua yang bekerja akan berhutang dan memang saya tersenarai dalam CCRIS dan CTOS disebabkan hutang kad kredit dan sekarang ini pun saya telah masuk ke dalam program AKPK untuk menyelesaikan hutang tersebut tanpa gagal ke hari ini*". Pemohon dalam keterangan menyatakan bahawa pada tahun 2022 baru selesai pinjaman dan Pemohon telah terlibat dengan AKPK bagi tujuan untuk penstrukturan balik kad kredit dan bayaran sebulan sebanyak RM280-00.
- [24] Berdasarkan slip/penyata gaji Pemohon Mahkamah mendapati bahawa gaji bersih Pemohon hanyalah sebanyak RM678.32 sebulan setelah ditolak hutang piutang Pemohon.

- [25] Seterusnya, Mahkamah juga telah meneliti dokumen yang telah dilampirkan di ekshibit ZM-8 iaitu penyata akaun Maybank milik Pemohon yang mendakwa bahawa keuntungan pelaburan dimasukkan ke dalam akaun tersebut. Pemohon telah melampirkan penyata akaun daripada bulan Oktober 2018 sehingga Mac 2019. Berdasarkan kepada penyata akaun tersebut setelah Mahkamah membuat penelitian tiada amaun atau baki yang konsisten seperti dakwaan Pemohon terhadap pendapatan bulanan yang diperolehi oleh Pemohon pada setiap bulan iaitu sebanyak RM6,000-00. Berikut adalah baki akaun milik Pemohon pada setiap akhir bulan iaitu:-

| BIL | BULAN | BAKI |
|------------|------------------|-------------|
| 1. | 31 Oktober 2018 | RM 107.22 |
| 2. | 30 November 2018 | RM 342.94 |
| 3. | 31 Disember 2018 | RM 4,142-18 |
| 4. | 31 Januari 2019 | RM 50.00 |
| 5. | 28 Februari 2019 | RM 50.00 |

Berdasarkan baki akhir pada setiap bulan iaitu selama lima (5) bulan hanya pada bulan Disember 2018 sahaja baki akhir akaun milik Pemohon sebanyak RM4,142-18 dan empat (4) bulan lagi adalah kurang daripada RM400-00 pada setiap bulan. Disebabkan keadaan kewangan yang tidak stabil kerana bebanan hutang Pemohon telah menyertai program AKPK tersebut.

- [26] Mahkamah juga suka untuk menjelaskan apakah itu Agensi Kauseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)? Agensi Kauseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) merupakan program pengurusan kredit ini disediakan untuk semua

individu yang memerlukan bantuan dalam mengurus bebanan kredit dengan institusi kewangan yang telah dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Program ini ditubuhkan adalah bertujuan untuk membantu individu yang dibebani hutang yang tidak dapat diselesaikan dengan pihak bank.

- [27] Oleh yang demikian Mahkamah berpendapat bahawa Pemohon adalah merupakan individu yang telah dibebani hutang yang banyak sehingga tidak mampu untuk menyelesaikan dengan pihak bank sehingga membawa Pemohon menyertai program AKPK tersebut. Pemohon dalam keterangan menyatakan bahawa bayaran bulanan adalah sebanyak RM280-00 dan telah ditetapkan tempoh pembayaran tersebut kepada pihak AKPK.
- [28] Setelah Mahkamah meneliti dokumen-dokumen yang dilampirkan sebagai ekshibit tersebut Mahkamah mendapati bahawa gaji bersih Pemohon setelah ditolak pinjaman adalah sebanyak RM678.32 sahaja untuk perbelanjaan keluarga untuk satu (1) bulan. Malah pendapatan dari hasil Shareholder Big Data International Groups adalah tidak jelas berapakah keuntungan Pemohon daripada pekerjaan tersebut serta baki akhir di dalam akaun milik Pemohon juga tidak selari dengan dakwaan Pemohon tentang pendapatan bulanan tersebut.
- [29] Maka dengan ini, Mahkamah mendapati bahawa Pemohon tidak mempunyai pendapatan yang baik untuk menjamin keteguhan ekonomi rumahtangga dan Pemohon juga tidak berkemampuan untuk memberi nafkah kepada isteri dan bakal isteri Pemohon. Oleh yang demikian Pemohon tidak memenuhi dua (2) syarat utama dalam keharusan berpoligami sebagaimana yang disyariatkan iaitu boleh berlaku adil dan berkemampuan dari segi fizikal dan material.

- [30] Mahkamah merujuk kepada kes **Ahmad Sabri Bin Awang & Maulidah Binti Ngah lwn. Rosma binti Omar [2017] 3 LNS 30** yang mana Hakim Bicara menjelaskan bahawa:

Sebelum memberi kebenaran kepada pemohon untuk berpoligami mahkamah melihat kepada kemampuan pemohon dari segi material, ia merujuk kepada perihal kewangan pemohon. Berdasarkan kepada keterangan Pemohon dan affidavit yang diikrarkan, pemohon bekerja sebagai Jurutera Awam dengan pendapatan sebanyak RM10 000 sebulan. Perkara ini berjaya dibuktikan dengan mengemukakan salinan slip pendapatan kepada mahkamah. Daripada jumlah tersebut setelah dibuat potongan, pendapatan bersih Pemohon adalah sebanyak RM 8756.22. Berdasarkan keterangan pemohon kepada Mahkamah menyatakan bahawa hanya lima orang anak yang masih bersekolah daripada sembilan orang anak. Bahkan Pemohon juga tidak menanggung sebarang bebanan hutang. Maka dengan ini, Mahkamah memberi pertimbangan bahawa pemohon mempunyai pendapatan yang baik untuk menjamin keteguhan ekonomi rumahtangga dan seorang yang berkemampuan untuk memberi nafkah kepada dua orang isteri.

Dengan ini, Mahkamah berpuas hati bahawa pemohon telah memenuhi dua syarat pokok bagi keharusan berpoligami sebagaimana yang telah disyariatkan iaitu boleh berlaku adil dan mempunyai kemampuan dari segi fizikal dan material dan sekaligus menjawab isu persoalan yang pertama.

- [31] Tambahan pula, Pemohon dalam kes ini tidak membawa saksi-saksi untuk menyokong tentang kemampuan Pemohon semasa perbicaraan permohonan ini.

ISU KEDUA: SAMADA MAHKAMAH PERLU MEMBERI KEBENARAN BERPOLIGAMI ATAU TIDAK.

[32] Mahkamah merujuk kepada Seksyen 73 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan bahawa:-

Beban membuktikan

73. (1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

[33] Dalam kes ini Pemohon mendakwa bahawa pendapatan bulanan Pemohon adalah RM6,000 hasil dua (2) pekerjaan yang dilakukan oleh Pemohon. Namun dakwaan Pemohon hanyalah dakwaan semata-mata tanpa dibuktikan dengan jelas kepada Mahkamah Yang Mulia ini. Ini bertepatan dengan seksyen yang telah dijelaskan di Perenggan atas bahawa beban membuktikan adalah terletak pada orang yang mendakwa iaitu Pemohon sendiri. Dalam kes ini Pemohon telah gagal membuktikan sebarang keuntungan yang diperolehi melalui pelaburan tersebut memandangkan penyata gaji Pemohon setelah ditolak hutang piutang berbaki sebanyak RM678.32.

[34] Pemohon juga dalam kes ini gagal menghadirkan saksi kepada Mahkamah ini bagi menguatkan lagi permohonan Pemohon tersebut. Kegagalan Pemohon untuk membawa pihak-pihak serta saksi ke Mahkamah telah menyebabkan Mahkamah perlu menangguhkan permohonan tersebut iaitu:-

- i. Pada tarikh **7 Januari 2019** telah menetapkan tarikh bicara dan Mahkamah telah mengarahkan Pemohon dan Responden hadir dengan membawa dua (2) orang saksi, wali dan bakal isteri.
- ii. Namun pada tarikh **11 Mac 2019** Pemohon hanya hadir bersendirian, saksi-saksi serta wali tidak hadir dan Mahkamah telah menetapkan pada tarikh 18 Mac 2019 untuk perbicaraan.
- iii. Pada tarikh **18 Mac 2019** Pemohon memaklumkan kepada Mahkamah bahawa bakal isteri, wali serta saksi tidak dapat hadir pada hari ini. Mahkamah perlukan kehadiran mereka pada tarikh 3 April 2019 untuk kehadiran Responden, bakal isteri, wali serta dua (2) orang saksi dan dibawa bersama dokumen asal.
- iv. Pada **3 April 2019** Pemohon hadir bersama Responden, bakal isteri serta wali. Malah Pemohon juga telah memohon tempoh masa selama satu (1) bulan untuk *release* dari program AKPK dan Mahkamah telah menetapkan tarikh untuk keputusan pada 13 Mei 2019.

[35] Oleh yang demikian penangguhan yang dilakukan oleh Mahkamah adalah disebabkan kegagalan Pemohon sendiri untuk mematuhi arahan Mahkamah. Walaupun beberapa kali penangguhan dibuat oleh Mahkamah Pemohon telah gagal mendatangkan saksi kepada Mahkamah untuk menyokong keterangan Pemohon tersebut. Oleh itu, Mahkamah perlu mengambil kira kegagalan Pemohon mendatangkan saksi untuk menyokong keterangan bahawa

Pemohon seorang yang berkemampuan hanyalah dakwaan yang kosong sahaja tanpa saksi yang boleh menyokong keterangan Pemohon tersebut.

- [36] Mahkamah merujuk kepada kes **Md Yusuf Abdul Rahman lwn Norlia Abdul Aziz [2006] 1 CLJ 2009** telah menjelaskan tentang pentingnya peranan saksi di dalam sesuatu tuntutan untuk menyokong keterangan pihak tersebut. Di dalam kes tersebut, Yang Arif Hakim Mahkamah Rayuan Syariah telah menyatakan bahawa seperti mana berikut :

Peranan saksi adalah amat penting kerana mereka adalah orang melihat, mendengar dan menyaksikan secara langsung sesuatu perkara yang menjadi fakta kes. Kesaksian adalah pemberitahuan yang bersifat benar untuk mensabitkan sesuatu atau kepentingan dengan menggunakan lafaz kesaksian dalam majlis kehakiman.

Menurut Ahmad Fathi Bahansi, kesaksian ialah pemberitahuan tentang sesuatu hak atau kepentingan bagi orang lain ke atas orang lain sama ada merupakan hak Allah atau hak selain daripadanya (bukan hak Allah). Pemberitahuan tersebut terbit dari keyakinan, bukannya ramalan atau agak-agakan. Ini telah disyaratkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis yang bermaksud, "Apabila kamu melihatnya seperti kamu melihat matahari naik maka saksilah kamu jika tidak maka tinggalkanlah dia."

- [37] Maka, Mahkamah berpendapat bahawa keterangan Pemohon yang tidak disokong dengan keterangan saksi menunjukkan bahawa Pemohon telah gagal untuk memberikan keterangan kepada Mahkamah Yang Mulia untuk menunjukkan bahawa Pemohon seorang yang berkemampuan untuk menanggung isteri dan bakal isteri Pemohon.

[38] Seterusnya, pada tarikh 13 Mei 2019 Pemohon telah gagal hadir ke Mahkamah seperti mana yang telah ditetapkan yang mana pada tarikh 3 April 2019 Pemohon telah memohon kepada Mahkamah untuk diberikan tempoh selama satu (1) bulan untuk melepaskan diri dari program AKPK tersebut bagi Mahkamah membuat pertimbangan yang sewajarnya berkenaan dengan kemampuan Pemohon. Malah pada tarikh tersebut Pemohon telah gagal hadir ke Mahkamah tanpa sebarang makluman dan tiada sebarang bukti dokumen kepada Mahkamah bahawa Pemohon telah melepaskan diri dari program AKPK tersebut.

[39] Kehadiran Pemohon pada tarikh 13 Mei 2019 adalah sangat penting bagi Mahkamah dalam menimbangkan tentang kemampuan Pemohon untuk berpoligami. Oleh yang demikian, setelah Mahkamah membuat pertimbangan serta mengambil kira faktor kegagalan Pemohon hadir ke Mahkamah pada tarikh tersebut tanpa makluman yang munasabah adalahh sangat tidak wajar.

KEPUTUSAN

[40] Saya dengan ini membatalkan permohonan kebenaran berpoligami Pemohon XYXY No. KP: 760801-11-XXXX berdasarkan **Seksyen 121 (1) (c) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.**

METERAI

HAKIM